

aab

Mahathir - Bosnia

MALAYSIA SOAL TINDAKAN PBB HALANG TURKI, IRAN HANTAR TENTERA KE BOSNIA

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Malaysia mempersoalkan tindakan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak membenarkan Turki dan Iran menyertai pasukan pengaman pertubuhan itu (UNPROFOR) di Bosnia-Herzegovina hanya kerana kedua-dua negara berkenaan menunjukkan simpati terhadap penduduk Islam di negara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika alasan itu digunakan terhadap Turki dan Iran, Malaysia hairan bagaimana Rusia, yang secara terang-terang bersimpati dengan Serbia, dibenarkan menghantar tentera ke negara itu.

"Kenapa ada diskriminasi seperti ini...Saya fikir ini double standard yang diamalkan oleh Barat yang sepatutnya tidak berlaku," kata Perdana Menteri kepada pemberita di Angkasapuri hari ini, selepas rakaman perutusan Hari Raya Aidilfitri kepada rakyat Malaysia.

Dr Mahathir ditanya sama ada Malaysia akan menghantar lebih banyak lagi tentera ke Bosnia-Herzegovina untuk menyertai UNPROFOR kerana pasukan pengaman itu dilaporkan memerlukan sekurang-kurangnya 50,000 anggota bagi menguatkuasakan sebarang perjanjian damai yang mungkin dimeterai oleh pihak-pihak yang bertelingkah. -- Lagi.

11/03/16-08MST

R GB 11-03 00181 BA839

aab

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Pada masa yang sama, tawaran Turki untuk menghantar satu batalion 1,000 orang tentera ke negara Balkan itu tidak diterima Setiausaha Agung PBB, Boutros Boutros-Ghali setakat ini kerana Turki merupakan antara negara yang tidak boleh menghantar tentera ke Bosnia-Herzegovina mengikut garis panduan PBB.

Garis panduan itu menyebut bahawa pasukan pengaman PBB di sesebuah negara yang sedang diawasinya tidak boleh dianggotai negara-negara yang berjiran dengannya atau mempunyai pertalian sejarah.

Bagaimanapun, garis panduan itu sudah beberapa kali dilanggar, termasuk oleh Jepun dan Perancis, yang menyertai pasukan pengaman PBB di Kemboja walaupun pernah menjajah negara berkenaan.

Sebelum ini Iran pernah menyatakan kesediaan negara itu menghantar 10,000 tentera ke Bosnia-Herzegovina bagi membantu PBB mengawal keamanan tetapi ditolak PBB.

Dr Mahathir berkata, jika garis panduan itu digunakan terhadap Turki, ia bermakna hampir semua negara Eropah yang menyertai pasukan pengaman PBB di Bosnia-Herzegovina tidak boleh menyertai UNPROFOR kerana mereka berjiran dan mempunyai pertalian sejarah.

"Jadi, apa yang dimaksudkan dengan jiran yang dekat itu," tanya Perdana Menteri.

Dengan itu, katanya, jika negara-negara Eropah yang mempunyai kepentingan di Bosnia-Herzegovina boleh menyertai UNPROFOR, mengapa tidak Turki dan Iran.

"Ini menyebabkan kita tidak percaya kepada segala dakwaan mereka (PBB) berkenaan dengan keadilan dan sebagainya...semuanya palsu," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada faktor agama menyebabkan Turki dan Iran tidak dibenarkan menyertai UNPROFOR kerana khawatir mereka akan membekalkan senjata kepada penduduk Islam Bosnia, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak berani hendak cakap secara terang tetapi nampaknya begitulah".

Perdana Menteri berkata, Malaysia, sebagai negara kecil yang sedang membangun, sudah banyak menyumbang kepada misi-misi pengaman PBB sedangkan ada negara-negara yang lebih besar masih belum memberi sebarang sumbangan, atau tidak dibenarkan berbuat demikian.

Oleh itu, katanya, PBB perlu mengetepikan amalan "double standard" dan jangan menghalang mana-mana negara anggotanya daripada menyertai misi-misi pengaman. -- Bernama.